



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI
SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN
NEGERI JOHOR TAHUN 2019**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 1
MENGENAI AKTIVITI JABATAN / AGENSI NEGERI JOHOR**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 2
MENGENAI AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI JOHOR**

1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Seksyen 6(d), Akta Audit 1957. Manakala pengauditan pengurusan syarikat kerajaan pula dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957.

2. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan / Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.

3. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Johor Tahun 2019; LKAN mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri Johor Tahun 2019 Siri 1; dan LKAN mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2019 Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Rakyat masing-masing pada 5 November 2020, 10 Disember 2020 dan 28 September 2021. Ketiga-tiga LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, ketiga-tiga LKAN ini akan dibentangkan di hadapan Dewan Negeri Johor pada 18 November 2021 setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

4. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

4.1. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Johor Tahun 2019

4.1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Pengauditan yang dijalankan mendapati penyata kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran. Secara keseluruhannya, penyata kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

4.1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2019 telah meningkat sebanyak RM189.12 juta menjadi RM2.653 bilion berbanding RM2.464 bilion pada tahun 2018.
- b. Akaun Hasil Disatukan meningkat sebanyak RM67.14 juta menjadi RM1.194 bilion berbanding RM1.126 bilion pada akhir tahun 2018. Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2019 dengan lebih berjumlah RM68.23 juta berbanding lebih RM5.25 juta yang diperolehi pada tahun 2018.

4.1.3. Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri

a. Pengauditan pematuhan jabatan negeri yang dilaksanakan pada tahun 2019 melibatkan satu jabatan seperti berikut:

i. Pembayaran Promosi Pelaburan di Invest Johor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor:

- Terdapat empat perkhidmatan tahun 2018 berjumlah RM0.37 juta tidak dikeluarkan Pesanan Kerajaan sebelum perkhidmatan dilaksanakan.

4.2. LKAN Tahun 2019 Siri 1 Mengenai Aktiviti Jabatan /Agensi Kerajaan Negeri Johor

4.2.1. Pengurusan Aktiviti Jabatan / Agensi Negeri

- a. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.
- b. Bagi LKAN Tahun 2019 Siri 1 ini, tiga pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat Negeri Johor iaitu Pengurusan Perkhidmatan Bas Muafakat Johor oleh Pejabat Menteri Besar dan Perbadanan Pengangkutan Awam Johor; Pengurusan

Perolehan Hartanah Warga Asing oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor; dan Pengurusan Lesen Industri oleh Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

4.2.1.1. Pengurusan Bas Muafakat Johor

- a. Secara keseluruhannya, perkhidmatan Bas Muafakat Johor (BMJ) telah memberi keselesaan dan mengurangkan kos sara hidup kepada pengguna BMJ. Bagaimanapun, pencapaian bilangan penumpang BMJ berbanding kapasiti maksimum tempat duduk menunjukkan penurunan ketara daripada 63.2% pada tahun 2016 kepada 23.2% pada tahun 2019. Selain itu, kekurangan maklumat yang tepat menyebabkan Kerajaan negeri tidak mendapat maklumat sebenar bilangan pengguna perkhidmatan BMJ. Berlaku kelemahan dalam aspek pembayaran, klausa dalam perjanjian kontrak dan pengurusan bas yang menjejaskan kecekapan pengurusan program ini.

- b. Antara penemuan utama Audit adalah kelewatan pembayaran bagi 80 invois kepada lima pengusaha bas melibatkan tempoh antara 61 hingga 120 hari dari tarikh invois diterima; baki perkhidmatan yang tidak disediakan tetapi telah dibayar kepada pengusaha bas melibatkan RM44,345; dan 30 bas bagi program ini berusia antara empat hingga 13 tahun; melebihi usia bas yang ditetapkan dalam kontrak iaitu tidak melebihi tiga tahun pada masa perjanjian ditandatangani.

4.2.1.2. Pengurusan Perolehan Hartanah Warga Asing

- a. Secara keseluruhannya, pengurusan perolehan hartanah warga asing telah diuruskan dengan teratur. Permohonan perolehan hartanah warga asing meningkat setiap tahun daripada 2,940 pada tahun 2017 kepada 2,990 pada tahun 2018 dan 6,758 pada tahun 2019. Manakala sebanyak 2,783 permohonan telah diluluskan pada tahun 2017 meningkat kepada 2,882 pada tahun 2018 dan 6,433 pada tahun 2019. Prestasi kutipan hasil kelulusan perolehan hartanah warga asing bagi tahun 2017 hingga 2019 juga meningkat setiap tahun berbanding anggaran.

- b. Bagaimanapun, pengurusan perolehan hartanah warga asing boleh dipertingkatkan. Antara penemuan utama Audit adalah sebanyak 14,367 unit daripada 25,782 unit hartanah yang diberi pengecualian kuota Bumiputera tidak terjual, pengurangan bayaran permohonan dan kelulusan perolehan kepada pembeli warga asing menyebabkan kekurangan kutipan hasil Kerajaan negeri; denda pemilikan kurang lima tahun bagi tanah kurnia tidak dikenakan; dan bayaran kelulusan bagi penjualan *sub sales* untuk tanah industri/perusahaan tidak merujuk harga penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

4.2.1.3. Pengurusan Lesen Industri

- a. Secara keseluruhannya, objektif Bahagian Pelesenan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) bagi memastikan semua premis industri mempunyai lesen yang sah, mematuhi prosedur dan syarat pelesenan tidak tercapai sepenuhnya. Terdapat premis industri beroperasi tanpa lesen dalam kawasan pentadbiran MBIP. Bagaimanapun bilangan sebenar premis industri beroperasi tanpa lesen tidak dapat ditentukan disebabkan ketiadaan rekod lengkap.

- b. Antara penemuan utama Audit terdapat premis industri telah beroperasi tanpa lesen antara satu hingga tiga tahun sebelum mengemukakan permohonan lesen industri dan tidak dikenakan sebarang tindakan; sebanyak 76 premis lesen industri telah diperbaharui selepas tamat tempoh tetapi tidak dikenakan penalti dianggarkan berjumlah RM43,300; dan tindakan undang-undang tidak diambil terhadap pemilik premis industri yang beroperasi tanpa lesen selepas notis amaran dikeluarkan oleh Jabatan Penguatkuasaan MBIP.

4.3. LKAN Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor

4.3.1. Pengurusan Aktiviti Agensi Negeri

- a. Bagi LKAN Tahun 2019 Siri 2 ini, pengauditan prestasi telah dilaksanakan terhadap Pengurusan Pembinaan Bangunan Pejabat Majlis Perbandaran Muar oleh Majlis Perbandaran Muar (MPM).
- b. Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan pengurusan pembinaan bangunan pejabat MPM adalah kurang cekap. Pembinaan bangunan tidak mengikut jadual serta kelewatan penyiapan yang mengambil masa sehingga 710 hari walaupun selepas diluluskan tiga lanjutan masa. Perancangan awal pembinaan bangunan pejabat, pelantikan perunding, kontraktor dan sub kontraktor dinamakan yang tidak teratur.
- c. Selain itu, masalah koordinasi antara MPM, kontraktor utama dan perunding telah menyebabkan banyak kerja tertangguh dan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. MPM juga terpaksa menanggung perbelanjaan penyenggaraan bangunan sedia ada dan tambahan kos. Kakitangan dan orang awam juga tidak dapat menikmati kemudahan yang sepatutnya selain memberi imej yang buruk kepada MPM.

- d. Antara penemuan utama Audit adalah perancangan pembinaan yang tidak teratur menyebabkan kos projek meningkat sehingga RM42.50 juta daripada anggaran kos asal yang hanya berjumlah RM20 juta. Berlaku kelemahan dalam pemantauan oleh wakil Pegawai Penguasa menyebabkan banyak isu berbangkit mengambil masa antara 255 hingga 770 hari untuk diselesaikan.

4.3.2 Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

- a. Pengauditan bagi pengurusan syarikat kerajaan dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957. Pengauditan merangkumi tiga aspek, iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.
- b. Bagi LKAN Tahun 2019 Siri 2 ini, pengauditan pengurusan syarikat kerajaan negeri telah dilaksanakan di Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.
- c. Secara keseluruhannya, PDT telah mencapai objektif penubuhan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Johor. Amalan tadbir urus oleh PDT adalah baik. Prestasi pendapatan pelaburan PDT bagi tahun 2017 hingga 2020 mencapai 99.2% berbanding sasaran. Prestasi kewangan syarikat subsidiari dan bersekutu bagi tempoh yang sama mencatatkan pertumbuhan yang positif. PDT juga telah menerima pulangan dividen setiap tahun daripada pelaburan saham RANHILL. Selain itu, pengurusan pembelian tanah melalui Tabung Perumahan Bumiputera adalah memuaskan. Kedudukan kewangan PDT adalah pada tahap stabil. PDT telah mencatatkan

keuntungan sebelum zakat dan cukai bagi tiga tahun berturut-turut berjumlah RM13.26 juta (tahun 2017), RM0.99 juta (tahun 2018) dan RM9.16 juta (tahun 2019). PDT memperoleh keuntungan terkumpul berjumlah RM66.29 juta pada akhir tahun 2019.

- d. Antara penemuan utama Audit adalah PDT belum melaksanakan sepenuhnya dua amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu berkaitan Lembaga Pengarah dan Rancangan Korporat/Pelan Strategik; Selain itu sebanyak 16 lot tanah seluas 181 ekar masih belum dipajak/disewa antara 10 bulan hingga 16 tahun sejak hartanah dimiliki dan tunggukan sewaan hartanah berjumlah RM118,298 bagi tempoh tiga hingga 19 bulan.
5. Semua ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan syor kepada jabatan/agensi yang berkenaan untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan. Sebanyak 11 syor telah dicadangkan dalam LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2019; 14 syor dalam LKAN Tahun 2019 Siri 1 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri; serta 10 syor dalam LKAN Tahun

2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri.

6. Ketiga-tiga LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Johor pada 18 November 2021. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 18 November 2021 selepas jam 2.00 petang. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara

18 November 2021
13 Rabiul Akhir 1443H